

OSC 1SUBMISSION

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kuala Lumpur merupakan salah satu jabatan/agensi teknikal luaran yang terlibat secara langsung dalam kelulusan pelan bagi projek pembangunan berskala kecil (fast lane)OSC 1Submission di bawah seliaan Pusat Setempat (OSC) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Semua permohonan perakuan pembangunan di bawah kriteria ini perlu dikemukakan melalui OSC DBKL.

Terdapat beberapa jenis pembangunan yang termasuk di bawah kategori projek berskala kecil ini adalah seperti berikut:

1. Kediaman kecil tidak melebihi 4 unit
2. Dewan serbaguna tidak melebihi 3 tingkat
3. Tadika / Taska tidak melebihi 3 tingkat
4. Rumah kedai tidak melebihi 3 tingkat, fast food tidak melebihi 3 tingkat, ruang pameran perabot tidak melebihi 3 tingkat, ruang pameran kereta tidak melebihi 3 tingkat, ruang pameran alatan pejabat tidak melebihi 3 tingkat – jumlah keluasan lantai kurang 1000 meter persegi
5. Kilang tidak melebihi 3 tingkat
6. Rumah ibadat
7. Rumah kelab tidak melebihi 3 tingkat
8. Bangunan kemudahan awam tidak melebihi 3 tingkat
9. Sub stesen TNB
10. Gudang / Stor tidak melebihi 3 tingkat

Untuk maklumat lanjut boleh layari

<http://kltrax.dbkl.gov.my/guidelines/regulations/DBKL%20-%20Pekeliling%20OSC%201%20Submission%202.0%20-%20Pemeriksaan%20Akhir%20-%2030hb%20Jan%202014%20.pdf>

One Day Inspection

One Day Inspection merupakan pemeriksaan akhir yang akan dilakukan secara bersamadalam satu hari yang melibatkan jabatan/agensi teknikal seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kuala Lumpur, Jabatan Kejuruteraan DBKL dan Syarikat Bekalan Air Selangor. Tarikh pemeriksaan bersama ini akan ditetapkan oleh pihak OSC DBKL.

Surat pelepasan sama ada disokong atau tidak disokong akan diserahkan kepada pemohon melalui OSC DBKL.

Untuk maklumat lanjut boleh layari

<http://kltrax.dbkl.gov.my/guidelines/regulations/DBKL%20-%20Pekeliling%20OSC%201%20Submission%202.0%20-%20Pemeriksaan%20Akhir%20-%2030hb%20Jan%202014%20.pdf>